

## PERTUKARAN SISTEM KEPADA PATUH SYARIAH SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN KONVENSIONAL: PENGALAMAN DI MALAYSIA

(Conversion into Syariah Compliance System as an Alternative to Conventional  
Banking System and Financial Institutions: The Experience of Malaysia)

<sup>1,2</sup> NURUL IMAN MOHD ZAIN

<sup>1</sup> LUQMAN ABDULLAH

<sup>1</sup> Department of Fiqh and Usul Fiqh, Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup> Center for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia  
Kelantan, 16300, Bachok, Kelantan, Malaysia

---

### ABSTRAK

Sistem kewangan dan perbankan konvensional adalah sangat berbeza dengan sistem kewangan dan perbankan Islam. Walaupun kedua sistem ini mempunyai fungsi yang sama iaitu peranannya sebagai ‘badan perantara’ antara unit lebih *surplus unit* dengan unit kurang *deficit unit*. Namun setiap urusan niaga dan operasi yang dijalankan adalah berbeza. Ini disebabkan falsafah dan elemen teras yang menjadi tonggak kepada perjalanan bagi kedua-dua sistem adalah berbeza. Justeru, fenomena pertukaran sistem bagi sesetengah perbankan konvensional untuk menjadi sebuah perbankan yang patuh syarak adalah fenomena positif, di mana fenomena ini dapat menggalakkan perkembangan dan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia yang sememangnya adalah sebuah negara Islam, bukan sahaja di peringkat serantau malahan ke peringkat global. Artikel ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar pertukaran sistem bagi institusi perbankan dan kewangan konvensional kepada institusi perbankan dan kewangan Islam yang berlaku di Malaysia. Bagi mencapai objektif ini, kajian dilaksanakan melalui dua metode utama, iaitu metode persejarahan dan metode pengumpulan serta penganalisaan data. Hasil kajian mendapati bahawa Malaysia merupakan antara negara yang giat memajukan sistem kewangannya ke arah

---

Corresponding author: Nurul Iman Mohd Zain, Department of Fiqh and Usul Fiqh, Academy of Islamic Studies, University of Malaysia, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia / Center for Language Studies and Generic Development, Universiti Malaysia Kelantan, 16300, Bachok, Kelantan, Malaysia, mel-e: iman\_zain@hotmail.com

Diserahkan: 12 Februari 2018  
Diterima: 28 Jun 2018

sistem kewangan Islam. Walaupun sistem kewangan konvensional masih beroperasi, namun usaha untuk menjadikan sistem kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem berteraskan riba dan faedah adalah usaha yang positif sekali gus berpotensi memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai hub kewangan Islam antarabangsa.

**Kata kunci:** Perbankan Islam; perbankan konvensional; pertukaran; sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam

### **ABSTRACT**

*The conventional financial and banking system is very different from the Islamic financial and banking system. Although these two systems have the same function, their role as an “intermediary” between surplus units and deficit units, each transaction and operation are different. This is because the philosophy and core elements that became prominent foundation for both systems are different. Hence, the phenomenon of system conversion for some conventional banking to become a shariah-compliant banking is a positive phenomenon, in which this phenomenon can promote the advancement and development of the Islamic financial system in Malaysia, which is indeed an Islamic state, not only at the regional level but also globally. This article seeks to capture the real picture of system conversion for conventional banking and financial institutions into Islamic banking and finance institutions which is currently taking place in Malaysia. To achieve this objective, the study was conducted through two main methods, namely the method of history and documentation with analyzing method. The finding shows that Malaysia is one of the countries that actively promoting the Islamic financial system in their monetary system. While conventional financial system is still operating, efforts to make the Islamic financial system an alternative to the interest and riba-based system are positive efforts, thereby potentially strengthening Malaysia’s position as an international Islamic finance hub.*

**Keywords:** *Islamic banking; conventional banking; conversion; conventional financial system and Islamic financial system*

### **PENGENALAN**

Sistem kewangan Islam kini muncul sebagai satu komponen yang berdaya maju dan teguh dalam keseluruhan sistem kewangan di Malaysia, melengkapi sistem kewangan konvensional yang sememangnya wujud sebelum merdeka lagi. Sistem perbankan dan institusi kewangan Islam yang menjadi tulang belakang kepada sistem kewangan Islam dilihat berkembang pesat dan menjadi semakin penting

bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kian berubah. Perkhidmatan dan produk perbankan Islam juga dilihat semakin bertambah dan penerimaan masyarakat terhadap sistem perbankan dan institusi kewangan Islam itu juga meningkat. Perbankan Islam juga mempunyai potensi tinggi untuk tetap kukuh kerana ia bukan sahaja diamalkan oleh orang Islam malahan orang bukan Islam kerana cirinya yang unik, cekap dan berkualiti (Aysraf Wajdi & Nurdianawati 2007). Kemajuan ini sememangnya menjadi salah satu faktor (di samping faktor lain) sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional yang sememangnya sudah lama bertapak di Malaysia tertarik untuk melakukan pertukaran dan peralihan sistem daripada sistem konvensional kepada sistem yang berlandaskan syariah dan undang-undang Islam seiring dengan galakan kerajaan untuk memperkasakan kedudukan Malaysia sebagai peneraju Kewangan Islam Antarabangsa.

Sehingga kini, sektor perbankan Islam telah memperlihatkan perkembangan yang sangat memberangsangkan dalam industri perbankan dan institusi kewangan di Malaysia. Perkembangannya dapat dilihat, antaranya melalui usaha Malaysia dalam memperkenalkan Akta Bank Islam 1983 yang mewujudkan Bank Islam Malaysia Berhad, pelancaran Skim Perbankan Tanpa Faedah (yang kemudiannya dikenali sebagai Skim Perbankan Islam) bagi memberi jalan kepada institusi perbankan dan kewangan konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam melalui apa yang dikenali sebagai jendela islamik atau *Islamic windows*, penawaran lesen perbankan Islam oleh Bank Negara Malaysia kepada bank konvensional bagi membuka subsidiari perbankan Islam, pertambahan institusi berstatus bank Islam penuh, seperti Bank Muamalat Malaysia Berhad dan juga pertukaran institusi kewangan konvensional kepada Islam secara penuh *full fledged Islamic bank* seperti Bank Rakyat dan Agrobank. Berasaskan latar belakang ini, artikel ini meneliti landskap sistem kewangan Malaysia bagi memberi gambaran sebenar kepada situasi pertukaran sistem perbankan konvensional kepada institusi patuh syariah yang berlaku di Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang amat bergantung kepada dua metode utama sebagai asas iaitu metode persejarahan atau dikenali sebagai metode historis dan metode pengumpulan serta penganalisan data. Metode historis digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat yang mempunyai nilai sejarah, khususnya melalui bahan dan dokumen dari perpustakaan bagi mengkaji bentuk pertukaran yang berlaku di Malaysia dan seterusnya mengenal pasti permulaan berlakunya pertukaran sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional kepada sistem patuh syariah di Malaysia. Bagi pengumpulan dokumentasi dan penganalisan data pula, kajian ini

banyak bergantung kepada penyelidikan perpustakaan sebagai metode utama. Akta, piawai dan garis panduan yang berkaitan sama ada piawai peringkat global seperti AAOIFI, Nadwah Dallah al-Barakah dan peringkat domestik seperti akta dan garis panduan-garis panduan Bank Negara Malaysia turut dikumpul dan dianalisa sebagai pelengkap. Selain itu, penulis juga mengumpul dan menganalisis laporan tahunan, risalah, akhbar, laman sesawang rasmi bank yang terlibat dengan proses pertukaran. Dalam proses analisis data, metode induktif digunakan untuk mengenal pasti kesan pertukaran terhadap industri perbankan khususnya dan sistem kewangan di Malaysia umumnya.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

### **DWISISTEM KEWANGAN DI MALAYSIA**

Sistem kewangan dalam sesebuah negara mencerminkan pembangunan sosioekonomi dalam negara tersebut. Sistem perbankan dan institusi kewangan bukan bank merupakan sebahagian daripada sistem kewangan yang berperanan untuk pembangunan ekonomi negara yang kukuh. Namun, sistem kewangan di Malaysia beroperasi dalam dua sistem secara serentak yang dipanggil sebagai dwisistem perbankan, (dual banking system) iaitu sistem kewangan konvensional beroperasi secara bersama dengan sistem kewangan Islam. *Dual banking system* dinyatakan di dalam Seksyen 27, Akta Bank Negara Malaysia 2009, bahawa sistem kewangan di Malaysia hendaklah terdiri daripada sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam. Ini bermakna, sistem perbankan dan institusi kewangan bukan bank di Malaysia beroperasi dalam dua sistem. Terdapat perbankan dan institusi kewangan yang beroperasi secara konvensional dan ada perbankan dan institusi kewangan yang beroperasi berlandaskan muamalat Islam.

Sistem perbankan pada asasnya adalah pengantara kewangan yang memudahkan proses penyaluran dana tabungan untuk suatu aktiviti pelaburan iaitu proses pertukaran tabungan daripada unit lebih kepada unit kurang, yang mana unit lebih membuat simpanan manakala unit kurang pula membuat pinjaman (Sudin Haron 1996). Namun, apabila disebut sebagai sistem perbankan konvensional, ia merujuk kepada sistem sedia ada yang dilaksanakan berasaskan kadar bunga atau faedah. Bunga dan faedah ini telah menjadi paksi penting dalam sistem ekonomi konvensional disebabkan sistem ekonomi konvensional tidak ada sebarang sistem ekonomi yang tulen. Sistem ekonominya dibina berasaskan fahaman tertentu seperti kapitalisme, sosialisme, komunisme dan sebagainya. Fahaman ini berasaskan keperluan kebendaan tanpa mengambil kira soal keperluan rohani dan akidahnya. Oleh yang demikian, persoalan riba tidak pernah berbangkit dalam sistem ekonomi

konvensional kerana keuntungan yang didapati melalui bunga atau faedah menjadi asas kepada transaksi perekonomian mereka. Mekanisme riba atau kadar bunga merupakan unsur yang berleluasa dan menjadi amalan oleh golongan pemodal (yang memiliki dana berlebihan) untuk meraih keuntungan yang sentiasa bercorak menindas. Sebaliknya dalam sistem kewangan Islam, riba adalah sesuatu yang ditentang keras. Ini adalah kerana pengharaman riba telah dijelaskan dengan panjang lebar pada beberapa surah dalam al-Quran. Melalui ayat ini<sup>1</sup>, dapat difahami bahawa Allah memberi penekanan kepada pengharaman riba dan memerintahkan mereka yang terlibat tidak kira dari pihak bank, pendeposit atau pelanggan untuk meninggalkannya. Tambahan, tiada khilaf daripada para ulama atas pengharaman riba dan telah pun menjadi ijma' ulama sejak dahulu lagi. Apabila prinsip penghapusan riba menjadi dasar kepada setiap perbankan Islam, maka segala operasi dan transaksi perlu dijalankan berdasarkan prinsip syariah, seperti prinsip wadiah dan qard hasan untuk simpanan, prinsip perkongsian untung rugi dalam pembiayaan ekuiti dan prinsip jual beli serta sewaan dalam pembiayaan hutang dan sebagainya. Prinsip ini perlu diutamakan dalam setiap produk dan perkhidmatan perbankan Islam agar ianya terpelihara dan berada dalam landasan syariah serta tidak terjerumus kepada riba.

Jika dikaji sejarah perbankan pula, sistem perbankan dan kewangan konvensional terlebih dahulu bertapak di Malaysia. Sistem perbankan konvensional wujud di Malaysia sejak tercetusnya Perang Dunia Pertama di Tanah Melayu. Bank asing yang terawal ditubuhkan di Malaysia ialah Chartered Merchantile of India yang beroperasi di Pulau Pinang pada tahun 1859 disusuli oleh Chartered Bank pada tahun 1875 dan diikuti pula oleh Hong Kong & Shanghai Bank pada tahun 1877 (Cheah 1994). Setelah beberapa tahun bank asing menjalankan operasi perbankan di negara ini dan mendapat sambutan yang menggalakkan, bank tempatan memulakan operasinya dengan penubuhan bank tempatan yang pertama iaitu Kwong Yik Bank pada tahun 1913 di negeri Selangor (Ahmad Shamsul et al. 2004). Sehingga kini, bank konvensional masih beroperasi di Malaysia. Manakala, institusi kewangan Islam mula wujud di Malaysia apabila Lembaga Tabung Haji ditubuhkan pada tahun 1963 (Islamic Resesarch and Training Institute 1995). Walaupun Lembaga Tabung Haji bukan institusi perbankan, namun ianya merupakan institusi kewangan pertama yang mengamalkan konsep transaksi Islam dalam seluruh operasinya. Sistem perbankan Islam mula menapak dalam sektor kewangan Malaysia apabila tertubuhnya bank Islam yang pertama, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada Julai 1983. Sejak itu, perbankan dan institusi kewangan Islam mula berkembang, malahan sehingga kini, sistem ini mampu menarik perbankan dan institusi kewangan konvensional melakukan pertukaran sistem dari sistem konvensional kepada sistem patuh syariah, sama ada pertukaran secara penuh *full conversion* atau separa penuh *partial conversion*.

## KONSEP PERTUKARAN SISTEM KEWANGAN KONVENSIONAL KEPADA PATUH SYARIAH

Apabila disebut tentang pertukaran atau *conversion*, sudah tentu tergambar di minda tentang perihal dua perkara yang berbeza yang mana perkara pertama ingin ditukarkan menjadi perkara kedua. Sekiranya dua perkara tersebut adalah sama, tidak ada gunanya proses pertukaran tersebut. Sebagai contoh, sekiranya seorang beragama Kristian ingin '*convert*' kepada agama Islam, ini bermakna agama Kristian adalah amat berbeza dengan agama Islam. Perbezaan tersebut wujud pada dasar atau akar umbi bagi sesuatu konsep sistem tersebut. Apabila perbezaan sudah wujud pada akarnya, sudah tentu akan menghasilkan perbezaan pada cabangnya. Sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam merupakan sistem yang berbeza. Setiap urusan niaga dan operasi yang dijalankan berlandaskan falsafah dan elemen teras yang berbeza. Apabila falsafah dan teras yang menjadi tunjang kepada sesuatu sistem sudah berbeza, sudah pasti perbezaan antara kedua sistem ini lebih menonjol pada aspek etika, urus tadbir dan operasi serta pengstrukturkan produk yang ditawarkan.

Oleh itu, pertukaran sistem dalam konteks sistem kewangan, merujuk kepada sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional berubah kepada sistem perbankan dan kewangan Islam sama ada secara sebahagian atau keseluruhan. Pertukaran dari segi bahasa merujuk kepada perihal menukarkan, mengubah, memindahkan, menggantikan dan lain-lain (Kamus Dewan 2005). Istilah ini bertepatan dengan istilah *conversion* dalam bahasa Inggeris, kerana istilah ini membawa maksud serupa seperti yang dibawakan oleh Kamus Dewan, iaitu perihal menukarkan sesuatu kepada sesuatu bentuk, tujuan atau sistem yang lain (Longman Dictionary 2007). Dalam bahasa Arab pula, antara istilah yang merujuk kepada pertukaran adalah *al-tahawwul*. Perkataan '*al-tahawwul*' menurut bahasa ialah bergerak dari satu kedudukan ke kedudukan yang lain atau perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain (Ibn Manzur t.th).

Istilah ini amat bertepatan dengan keadaan perbankan dan institusi kewangan konvensional yang berubah menjadi entiti lain dan berbeza daripada entitinya yang terdahulu. Namun, ada sesetengah institusi melakukan pertukaran hanya pada operasi pentadbirannya sahaja seperti menubuhkan subsidiari atau jendela islamik atau menawarkan produk-produk perbankan Islam tanpa tujuan untuk menukarkan bank atau institusi induk kepada patuh syariah sepenuhnya, yang mana situasi ini dikenali sebagai pertukaran separa penuh. Situasi pertukaran sama ada secara penuh atau sebahagian saja dapat digambarkan melalui definisi pertukaran menurut istilah Fiqh. Dalam ilmu Fiqh, '*tahawwul*' merujuk perubahan atau pertukaran


dari keadaan buruk *fāsīd* menurut syarak kepada keadaan yang baik *ṣāliḥ* menurut syarak (Husain Muhammad Makhluḥ 2009). Ini bermaksud, perubahan baharu adalah lebih baik dari keadaan sebelumnya, jika institusi kewangan konvensional yang sebelum ini mengandungi elemen fasid dan menyalahi undang-undang Islam seperti keterlibatannya dengan riba dan seumpamanya berubah kepada satu keadaan yang lebih baik iaitu berubah kepada sistem yang patuh syariah dan berlandaskan undang-undang muamalat Islam. Walaupun pertukaran secara keseluruhan adalah yang terbaik, namun tidak dapat menafikan perubahan sebahagian *partial conversion* juga membawa kepada keadaan yang lebih baik. Bank atau institusi kewangan konvensional yang mempunyai subsidiari atau jendela perbankan Islam adalah lebih baik keadaannya daripada bank atau institusi kewangan konvensional yang langsung tidak menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Justeru, istilah pertukaran bukan sahaja menggambarkan pertukaran secara keseluruhan malahan juga merangkumi juga pertukaran secara sebahagian.

## **BENTUK PERTUKARAN SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN DI MALAYSIA**

Pertukaran seperti yang dinyatakan merujuk kepada perubahan sistem sama ada secara keseluruhan atau sebahagian. Justeru, sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional di Malaysia kebanyakannya beralih atau *convert* kepada sistem patuh syariah melalui beberapa bentuk antaranya pertukaran secara penuh dan pertukaran separa penuh.

### **Pertukaran secara penuh (full conversion)**

Pertukaran secara penuh bererti sesuatu bank atau sesuatu institusi kewangan konvensional bertukar sistem dan taraf kepada sistem yang patuh syariah secara menyeluruh termasuk operasi, falsafah, etika dan sebagainya bagi membolehkannya mematuhi segala undang-undang muamalat Islam dan menjauhi larangannya. Ini bermakna institusi kewangan yang sebelum ini berlandaskan muamalat konvensional telah berubah status seterusnya membolehkannya menjalankan setiap transaksi perniagaan yang patuh syariah. Pertukaran ini disebut sebagai pertukaran secara perbankan Islam penuh *full-fledged Islamic Banking*. Antara contoh pertukaran secara *full fledge* yang berlaku di Malaysia adalah Agrobank dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Kedua-dua institusi ini merupakan institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah subsyeksen 2 (1), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang dilantik oleh Bank Negara Malaysia.



RAJAH 1 Ilustrasi bentuk pertukaran secara penuh

### **Pertukaran separa penuh (partial conversion)**

Pertukaran separa penuh pula bererti sesuatu institusi konvensional hanya melakukan pertukaran pada struktur dan operasi pentadbirannya sahaja serta menawarkan produk perbankan Islam tanpa menghapuskan atau memberhentikan operasi induknya. Operasi induk masih kekal dan perniagaan konvensional masih berjalan tetapi pada masa yang sama tetap menyediakan alternatif dalam menyediakan perkhidmatan perbankan Islam kepada pelanggan. Justeru, pertukaran separa penuh merujuk kepada pertukaran secara penubuhan jendela perbankan Islam dan penubuhan anak syarikat perbankan Islam atau subsidiari.

Jendela perbankan Islam merujuk kepada sebuah jabatan berasingan yang ditubuhkan dalam sesebuah perbankan atau institusi kewangan konvensional yang beroperasi di bawah bimbingan ketat Lembaga atau Majlis Penasihat Syariah yang dilantik oleh perbankan tersebut. Jendela perbankan Islam bertujuan untuk membangun dan menawarkan produk kewangan Islam kepada pelanggan yang berkeinginan untuk mendapatkan produk tersebut. Jendela ini boleh menawarkan produk dan perkhidmatannya melalui cawangan konvensional atau cawangan Islam berdedikasi di dalam bank konvensional. Manakala subsidiari perbankan Islam pula merujuk kepada sebuah entiti berasingan yang ditubuhkan oleh sesuatu institusi atau perbankan konvensional induk untuk menawarkan perkhidmatan dan produk perbankan Islam. Perbezaannya dengan jendela perbankan Islam adalah terletak pada struktur pengoperasiannya. Subsidiari adalah segala urusan niaga dan perkhidmatan perbankan Islam yang disediakan berada dalam sebuah bangunan yang bebas dari bank konvensional induk manakala jendela perbankan Islam berada di dalam bangunan perbankan konvensional yang sama. Namun, jabatan khusus yang disediakan untuk urusan niaga muamalat Islam diasingkan bagi memastikannya dapat beroperasi menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Kelebihan utama subsidiari



adalah terletak pada keputusannya yang bersifat autonomi yang mana terdapat lebih banyak kawalan terhadap pemasaran dan jualan berbanding jendela. Walau bagaimanapun, masih terdapat pengaruh dari bank induk terhadap subsidiari kerana bank induk mempunyai ‘hubungan pemegang’ dengan syarikat subsidiarinya.

Akta Syarikat 2016, Seksyen 4 (1) (a) (b), menjelaskan bahawa sesebuah syarikat induk akan dianggap sebagai ‘syarikat pemegang’ dan anak syarikat akan dianggap ‘syarikat subsidiari’ sekiranya salah satu syarat yang berikut dipenuhi: (1) perbadanan yang lain itu; (i) mengawal keanggotaan lembaga pengarah perbadanan itu; (ii) mengawal lebih daripada setengah kuasa mengundi perbadanan itu; atau (iii) memegang lebih daripada setengah modal syer dikeluarkan perbadanan itu, tidak termasuk mana-mana bahagian modal syer yang terdiri daripada syer keutamaan; atau (2) perbadanan itu ialah suatu subsidiari mana-mana perbadanan yang menjadi subsidiari perbadanan yang lain itu. Oleh itu, berdasarkan akta ini, jika wujudnya ‘struktur piramid’ dalam perhubungan di antara subsidiari-subsidiari dengan syarikat pemegang, maka syarikat pemegang berkenaan dikenali sebagai ‘syarikat ibu atau induk’. Contohnya, jika syarikat B dan syarikat C masing-masing adalah subsidiari kepada syarikat A, maka A adalah ‘syarikat ibu atau induk’ kepada syarikat B dan syarikat C.


Hampir keseluruhan subsidiari perbankan Islam di Malaysia terdiri daripada jendela perbankan Islam yang berubah kepada subsidiari perbankan Islam. Perubahan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang kebanyakannya adalah berasaskan kepada pematuhan syariah, antaranya modal permulaan yang dibiayai sepenuhnya oleh bank konvensional induk, pengurusan rizab, laporan kewangan dan trend global (Saiful Azhar Rosly 2005). Faktor ini pada berpunca daripada satu perkara yang tidak dapat dinafikan iaitu perniagaan perbankan yang berasaskan faedah dan perniagaan perbankan yang berlandaskan syariah Islam yang dijalankan serentak bawah satu bumbung yang boleh mengundang kekaburan dan ketidakpastian (gharar) mengenai kesahan keuntungan yang dijana daripada perniagaan tersebut. Justeru, pertukaran jendela kepada subsidiari perbankan Islam adalah satu pencapaian positif. Walaupun pertukaran tersebut bukan pertukaran secara penuh dari sebuah perbankan konvensional kepada sebuah perbankan Islam penuh tetapi pertukaran jendela kepada subsidiari juga perlu dipuji kerana ianya boleh menjadi salah satu langkah dalam merangka dan memperkasakan sebuah sistem kewangan Islam dalam negara ini. Ini berdasarkan kaedah fiqh,

“يُفَعَّلُ الْبَعْضُ مِنَ الْأُمُورِ، إِنْ شَقَّ فِعْلُ سَائِرِ الْأُمُورِ”


“Dilakukan sebahagian daripada perkara yang menjadi suruhan, sekiranya sukar untuk dilaksanakan keseluruhan suruhan tersebut” (al-Sa’di 2007). Ini membawa maksud,

jika kita tidak berdaya untuk mencapai tujuan kita serta merta, (iaitu sebuah sistem kewangan Islam yang menyeluruh), umat Islam wajib berusaha untuk membawa realiti yang lebih dekat kepada tujuan, walaupun selangkah demi selangkah (Nor Mohamed Yakcop 1996).

1. Pertukaran perbankan konvensional secara penubuhan jendela perbankan Islam



2. Pertukaran perbankan konvensional secara penubuhan subsidiari



RAJAH 2 Ilustrasi pertukaran separa penuh

### SEJARAH PERTUKARAN SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN DARIPADA KONVENSIONAL KEPADA ISLAM DI MALAYSIA

Melihat kepada bentuk pertukaran yang berlaku di Malaysia, kajian merumuskan bahawa sejarah pertukaran sistem daripada konvensional kepada Islam bermula dengan pertukaran separa penuh (partial conversion), iaitu pertukaran yang berlaku melalui penubuhan jendela perbankan Islam. Penubuhan jendela perbankan Islam

dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Skim ini dilancarkan setelah sepuluh tahun bank Islam pertama beroperasi. Melihatkan kepada perkembangan sistem perbankan Islam yang dibawa oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) selama sedekad (iaitu bermula dari awal penubuhan pada 1983 hingga skim ini dilancarkan pada 1993), BNM mula memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan jumlah institusi yang menawarkan perbankan Islam. Justeru, pilihan terbaik pada ketika itu adalah dengan membenarkan bank yang terdiri daripada bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam melalui infrastruktur dan jenama sedia ada di bawah skim SPTF ini. Skim ini membuktikan bahawa BNM melaksanakan pendekatan secara beransur-ansur dalam memperkasakan kewangan Islam di Malaysia dengan menyediakan prasarana yang diperlukan dengan mengoptimumkan sumber yang sedia ada. Pendekatan ini juga merupakan kaedah yang paling cekap dan berkesan untuk meningkatkan bilangan institusi yang menawarkan perbankan Islam pada kos yang rendah dan dalam masa yang singkat berbanding penubuhan bank Islam yang baharu atau subsidiari perbankan Islam kerana ianya akan melibatkan kos yang tinggi, yang mana kos untuk membuka cawangan sahaja dianggarkan menelan perbelanjaan RM500,000. Di samping itu, pembukaan cawangan baharu memakan masa dan menimbulkan masalah kekurangan tenaga kerja (Nor Mohamed Yakcop 1996).

Skim yang dilancarkan pada 4 Mac 1993 merupakan skim perintis yang melibatkan tiga buah bank perdagangan tempatan iaitu Malayan Banking Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Berhad. Selepas kejayaan skim perintis ini, BNM telah membuka pula penyertaan skim ini menerusi satu set garis panduan khusus kepada bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan pada bulan Julai 1993. Pada tahun 1998 pula, BNM telah menjalankan kajian semula terhadap perbankan Islam dan mendapati SPTF tidak mencerminkan penampilan sebenar perbankan Islam, yang kemudiannya ditukarkan kepada Skim Perbankan Islam (SPI). Skim SPI termasuk dalam rangka untuk melaksanakan langkah pengukuhan perbankan Islam pada ketika itu.

Pada tahun 2002, BNM terus mengorak langkah dalam usahanya untuk membina satu industri kewangan Islam yang kukuh, stabil dan bertaraf global. Oleh itu, BNM telah mengeluarkan lebih daripada enam lesen perbankan Islam kepada bank tempatan dan asing, dengan kira-kira separuh daripadanya diberikan kepada bank tempatan untuk menubuhkan subsidiari perbankan Islam. Subsidiari perbankan Islam pada ketika itu, kebanyakannya mentransformasi struktur keinstitutionan perbankan Islam daripada jendela Islam kepada subsidiari Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 (ABI 1983). Pada tahun 2005, tiga buah bank perdagangan tempatan telah memulakan operasi di mana RHB Banking Group menjadi kumpulan kewangan

tempat pertama di Malaysia yang menukarkan jendela Islam kepada subsidiari Islam yang sekarang dikenali sebagai RHB Islamic Bank Berhad diikuti oleh Hong Leong Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad. Manakala, Affin Islamic Bank, Ambank Islamic Bank, Public Islamic Bank dan Maybank Islamic Bank memulakan operasi sebagai subsidiari perbankan Islam pada tahun berikutnya. Transformasi ini adalah sejajar dengan usaha Malaysia untuk memperkasakan kapasiti keinstitutionan dan daya tahan kewangan institusi perbankan Islam domestik yang mana struktur subsidiari Islam membolehkan kumpulan perbankan domestik memaksimumkan sepenuhnya potensi universal yang terdapat dalam lesen perbankan Islam di bawah akta ABI 1983.

Di samping penawaran lesen subsidiari Islam kepada perbankan domestik pada tahun 2002 tersebut, BNM juga menawarkan lesen perbankan Islam kepada institusi kewangan Islam asing. Ini adalah kerana kepakaran yang dibawa oleh bank Islam asing yang meliputi perbankan runcit hingga kepada perbankan lebih canggih seperti perbankan pelaburan, pengurusan kekayaan dan dana, pembangunan harta tanah dan perniagaan modal usaha niaga akan mempertingkatkan lagi daya saing industri perbankan Islam domestik, rangkaian global dan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Di samping itu, ia turut memberi cabaran pengawalseliaan yang baharu kepada BNM memandangkan bank Islam asing ini menggunakan model perniagaan yang berbeza. Kini, akta ABI 1983 tidak lagi digunakan dan dimansuhkan serta digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013). Akta APKI 2013 ini menggabungkan beberapa undang-undang berasingan untuk mengawal selia sektor kewangan Islam di bawah rangka kerja perundangan tunggal, antaranya Akta Bank Islam 2013, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003, dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Tahun 2002 juga mencatatkan pencapaian penting yang mana landskap kewangan Islam di Malaysia menyaksikan pertukaran sistem konvensional kepada patuh syariah secara penuh (full conversion) yang dimulakan oleh salah satu institusi kewangan pembangunan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia yang kini dikenali sebagai Bank Rakyat. Pencapaian ini kemudian diikuti oleh Bank Pertanian Malaysia yang kemudiannya dikenali sebagai Agrobank pada tahun 2015.

### **KESAN PERTUKARAN SISTEM PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN DARIPADA KONVENSIONAL KEPADA ISLAM DI MALAYSIA**

Apabila berlakunya pertukaran dalam sistem perbankan atau institusi kewangan di Malaysia, tidak dinafikan ianya memberi kesan kepada pelbagai perkara. Namun, dalam penulisan yang terbatas ini, tumpuan diberikan kepada aspek tertentu sahaja antaranya:

1. Akta atau piawai yang menjadi rujukan: Apabila sesebuah bank atau institusi kewangan konvensional berhasrat melakukan pertukaran sistem secara penuh, antara piawai atau garis panduan yang menjadi rujukan pada peringkat global atau antarabangsa, untuk proses pertukaran agar ianya selari dengan syariah adalah piawaian No. 6 (iaitu Pertukaran Perbankan Konvensional Kepada Perbankan Islam) yang dikeluarkan oleh Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions atau AAOIFI) (AAOFI 2015). Piawai ini adalah berhubung dengan pertukaran taraf institusi kewangan konvensional kepada kewangan Islam yang dikeluarkan pada 16 Mei 2002, yang mana penyediaan draf piawai dilakukan semenjak 2000 lagi. Namun, piawai ini dalam proses kemaskini dan penggubalan semula kerana ianya mengambil kira perkembangan dalam tempoh 14 tahun sejak piawai No. 6 ini dikeluarkan dan untuk menangani beberapa aplikasi praktikal yang diambil dari pengalaman negara-negara dari seluruh dunia<sup>2</sup>. Selain AAOIFI, Nadwah Dallah al-Barakah juga boleh menjadi rujukan, khususnya resolusi yang diterbitkan dari persidangannya yang ke-16 pada 8 Jun 1999, yang mana persidangannya ini membincangkan isu pertukaran status institusi kewangan konvensional kepada patuh syarak dan mengeluarkan resolusi yang berkaitan. (Abd al-Sattar Abu Ghuddah 2001). Pada peringkat domestik, walaupun negara Malaysia tidak terdapat akta atau garis panduan yang spesifik berhubung dengan proses dan prosedur pertukaran, namun segala urusan perbankan Islam tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi sistem perbankan dan subsidiari perbankan Islam serta Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, bagi institusi kewangan pembangunan, malahan dikehendaki juga mematuhi undang-undang sivil yang berkaitan dan garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Polisi keterbukaan BNM yang diamalkan ketika ini menyebabkan BNM sentiasa mengeluarkan polisi dan garis panduan dari semasa ke semasa mengikut keperluan industri tanpa terikat kepada sesuatu polisi yang ketat dan rigid. Manakala, jendela perbankan Islam perlu diluluskan mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan tertakluk kepada garis panduan BNM dan Piawaian Syariah dan Operasi.
2. Landskap dan struktur sistem kewangan Malaysia: Landskap dan struktur sistem kewangan di Malaysia akan turut berubah apabila berlakunya pertukaran sistem. Sebelum wujudnya institusi kewangan Islam (iaitu pada tahun 1963), dan perbankan Islam (iaitu pada tahun 1983), sistem kewangan Malaysia wujud dalam satu bentuk sahaja, iaitu sistem kewangan konvensional, sama ada perbankan, institusi kewangan dan insurans semuanya bertransaksi dengan transaksi sistem konvensional. Setelah berlakunya pertukaran, (iaitu bermula dengan pertukaran separa penuh), landskap sistem kewangan Malaysia mulai berubah, daripada

perbankan konvensional kepada perbankan konvensional beserta dengan jendela, daripada jendela kepada subsidiari dan ada yang daripada perbankan konvensional penuh kepada perbankan Islam penuh dan perubahan ini akan berterusan sekiranya bilangan bank konvensional yang akan turut serta melakukan pertukaran bertambah dari masa ke semasa. Jadual menunjukkan senarai perbankan dan institusi kewangan Islam dan status pengoperasiannya di Malaysia kini.

JADUAL 1 Senarai perbankan dan institusi kewangan Islam dan status pengoperasiannya di Malaysia kini

No	Status operasi	Nama Bank
1	Bank Islam Tempatan (perbankan Islam penuh dari awal penubuhan)	Bank Islam Malaysia Berhad
2	Bank Islam Tempatan (hasil daripada proses penggabungan dan pengambilalihan)	Bank Muamalat Malaysia Berhad
3	Bank Islam Asing (perbankan Islam penuh)	1. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad 2. Al-Rajhi Banking and Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4	Institusi Kewangan Pembangunan Islam (hasil dari pertukaran)	1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia 2. Agrobank
5	Bank Islam Tempatan yang bermula dengan jendela, kemudian bertukar menjadi subsidiari kepada Bank Konvensional Tempatan	1. RHB Islamic Bank Berhad 2. Hong Leong Islamic Bank Berhad 3. CIMB Islamic Bank Berhad 4. Affin Islamic Bank Berhad 5. Ambank Islamic Bank Berhad 6. Alliance Islamic Bank Berhad 7. Maybank Islamic Berhad 8. Public Islamic Bank Berhad
6	Bank Islam Asing, yang menjadi subsidiari kepada Bank Konvensional Asing.	1. HSBC Amanah Malaysia Berhad 2. Standard Chartered Saadiq Berhad 3. Asian Finance Bank Berhad 4. OCBC Al-Amin Bank Berhad

Sumber: Bank Negara Malaysia (2018)

3. Prestasi perniagaan: Pertukaran sistem daripada sistem konvensional kepada sistem patuh syariah tidak melemahkan sistem kewangan khususnya dan sistem ekonomi negara umumnya, bahkan menggalakkan pertumbuhan pesat sektor perbankan Islam di negara ini. Bank Rakyat, contohnya, merupakan sebuah institusi yang berjaya mengubah keseluruhan operasi, perkhidmatan, sistem dan

aset daripada perbankan konvensional kepada perbankan Islam sepenuhnya pada 2002. Langkah berani bermula pada 1993 itu menyaksikan koperasi kredit ini kini menjadi peneraju dalam penyediaan perkhidmatan kewangan yang patuh syariah sepenuhnya. Kini, Bank Rakyat menjadi antara institusi kewangan Islam yang dihormati dan disegani di Malaysia dan di persada antarabangsa. Aset berjumlah RM99.2 bilion pada akhir tahun 2016 menjadikan Bank Rakyat sebagai sebuah bank koperasi Islam yang terbaik di Malaysia dan institusi kewangan koperasi yang terkukuh di dunia. (Laporan Tahunan Bank Rakyat 2016). Bank Rakyat juga pernah melakar sejarahnya yang tersendiri apabila meraih keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM2.02 bilion bagi tahun kewangan 2011, iaitu kali pertama keuntungan mereka melepasi angka RM2 bilion. Ia adalah institusi kewangan nombor satu berdasarkan pulangan atas Aset (ROA) mengikut majalah *The Asian Banker*, mengatasi semua bank komersil di negara ini (Laporan Tahunan Bank Rakyat 2012). Kejayaan Bank Rakyat tidak hanya terhad kepada sektor koperasi. Pada sektor kewangan Islam di Malaysia, Bank Rakyat pernah menjadi institusi kewangan Islam kedua terbesar (termasuk bank komersil) di Malaysia dengan aset hampir RM83 bilion pada akhir tahun 2013. Pada tahun itu juga, keuntungan Bank Rakyat adalah yang kelima paling tinggi daripada semua bank komersil dan koperasi di negara ini (Laporan Tahunan Bank Rakyat 2013). Tidak ketinggalan juga dengan Agrobank, yang mana pada tahun 2016 iaitu setelah setahun beroperasi sebagai perbankan Islam penuh, telah mencapai pertumbuhan pembiayaan tahunan tertinggi iaitu peningkatan sebanyak 16.7% berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga dengan pertumbuhan deposit telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan, iaitu peningkatan sebanyak 23.1% berbanding tahun sebelumnya. Jika disorot pencapaian kewangan Agrobank selama 5 tahun, tahun 2016 merupakan tahun yang menyaksikan peningkatan dalam banyak perkara termasuk pembiayaan dan pendahuluan (peningkatan 18.4%), keuntungan sebelum cukai dan zakat (peningkatan 20.0%), ekuiti pemegang saham (peningkatan 5.5%), pulangan atas aset purata (sebelum cukai) (peningkatan 0.1%), pulangan atas ekuiti (sebelum cukai) (peningkatan 0.9%) (Laporan Tahunan Agrobank 2016). Manakala, Maybank Islamic Berhad, yang mana bank induknya iaitu Maybank Berhad merupakan sebuah bank yang paling awal menerima sistem perbankan Islam, iaitu pada tahun 1993 melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) yang kemudiannya dikenali sebagai Skim Perbankan Islam (SPI), iaitu melalui pembukaan perbankan jendela islamik yang kemudiannya ditukar menjadi subsidiari pada tahun 2008. Pada tahun 2009, Maybank Islamic Berhad melakar sejarah apabila menjadi penyedia perkhidmatan perbankan Islam yang terbesar di rantau Asia Pasifik dengan jumlah aset hampir RM34.7 bilion dan merupakan antara sepuluh institusi kewangan Islam yang ulung di dunia (Laporan Tahunan Maybank 2009).

## KESIMPULAN

Usaha Malaysia untuk menjadikan negara sebagai hub kewangan Islam antarabangsa sedikit sebanyak menampakkan hasilnya. Perkembangan sistem kewangan Islam dalam suasana sistem kewangan konvensional diamalkan tidak mustahil dilakukan, bahkan ianya dapat mempengaruhi sistem kewangan konvensional yang telah lama bertapak di Malaysia. Ini dapat dilihat menerusi pertukaran sistem perbankan dan institusi kewangan konvensional kepada institusi patuh syariah sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya sahaja. Fenomena pertukaran ini bukan sahaja dapat menggalakkan lagi perkembangan dan pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia, tetapi dapat menjadi alternatif kepada para pengguna Muslim mendapatkan pilihan perkhidmatan kewangan Islam yang lebih banyak dan luas. Ini kerana, bagi orang Islam, hanya sistem kewangan dan perbankan Islam sahaja pilihannya.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Dalam al-Quran, riba disebut sebanyak lapan kali dalam empat surah yang berbeza, yakni satu kali dalam ayat 39 surah al-Rūm, satu kali dalam ayat 161 surah al-Nisā', satu kali dalam ayat 130 surah 'Alī 'Imrān, tiga kali dalam ayat 275 surah al-Baqarah, satu kali dalam ayat 276 surah al-Baqarah, dan satu kali dalam ayat 278 surah al-Baqarah.
- <sup>2</sup> Sila rujuk laman sesawang rasmi AAOFI di <http://aaoifi.com/announcement/jeddah-standards-subcommittee-discussed-shariah-standard-on-conversion-of-conventional-banks-to-islamic-banks/?lang=en>.

## RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani. 1999. *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd Jalil Borham. 2009. *Industri Perbankan dan Kewangan Islam*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Abd al-Sattar Abu Ghuddah & 'Iz al-Din Muhammad Hujah. 2001. *Qararat Wa Tausiyat Nadwat al-Barakah li al-Iqtisad al-Islamiy*. Jeddah: Dallah al-Barakah Group.
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions. 2015. *Shari'ah Standards*. Bahrain: Manama.
- Ahmad Shamsul Abd. Aziz, Khuzaimah Salleh & Rosmawani Che Hassim. 2004. *Undang-undang Perbankan*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Akta Bank Negara Malaysia 2009.



Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Akta Syarikat 2016.

Asyraf Wajdi Dusuki, Edib Smolo, Ahamed Kameel Mydin Meera, Akhtarzaite Abdul Azizi, Ashraf Md. Hashim, Azura Othman, Engku Rabiah Adawiah, Faizal Ahmad Manjoo, Habib Ahmed, Hakimah Yaacob, Hamim Syahrumsyah Ahmad Mokhtar, Madzlan Mohamad Hussain, Mansor Ibrahim, Mohamad Akram Laldin, Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohammad Kabir Hassan, Nazrol Kamil Mustaffa Kamil, Noraini Mohd Ariffin, Nurdianawati Irwani Abdullah, Obiyathulla Ismath Bacha, Saadiah Mohamad, Said Bouheraoua, Saeif Ibrahim Tag el-Din, Shabana Hasan, Shabnam Mokhtar, Sherin Kunhibava, Siti Salwani, Staff of the Islamic Technical Unit, Wan Norhaziki Wan Abd. Halim, Zainal Hasfi Hashim & Zulkifli Hassan. 2011. *Islamic Financial System: Principles and Operations*. Kuala Lumpur: ISRA.

Aysraf Wajdi Dusuki & Nurdianawati Irwani Abdullah. 2007. Why do Malaysian customers patronize Islamic banks. *International Journal of Bank Marketing* 25(3): 142-160.

Bank Islam Malaysia Berhad. 1989. *Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi*. Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.

Bank Negara Malaysia. 1994. *Money and Banking in Malaysia*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia. 1999. *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia: Perubahan Sedekad 1989-1999*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia. 2018. *Senarai Bank-Bank Islam*. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=islamic&type=IB&fund=0&cu=0> [2 Februari 2018].

Chandra Muzaffar. 1988. *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Cheah, Kooi Guan. 1994. *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ḥusain Muḥammad Makhlūf. 2009. *Ma'ānī Kalimāt al-Qur'ān Tafṣīr wa Bayān*. Ed. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ibn Manẓūr, Muhammad Mukrim Al-Anṣārī. t.th. *Lisān Al-'Arab*. Ed. 2. Beirut: Dār Ṣādir.

- Islamic Research and Training Institute. 1995. *Tabung Haji as an Islamic Financial Institution: The Mobilization of Investment Resources in an Islamic Way and the Management of Hajj*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Jaafar Hussein. 1989. *The Management of the Malaysian Financial System. Central Banking in An Era of Change, Landmark Speeches: 1959-1988*. Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Kamus Dewan. 2005. *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Tahunan Agrobank. 2016. *Kerjasama Strategik Pemacu Pertumbuhan*. Kuala Lumpur: Agrobank.
- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2012. *Menyentuh Kehidupan: Ini Yang Kami Lakukan*. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2013. *Menerajui Perubahan*. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Laporan Tahunan Bank Rakyat. 2016. *Masa Depan Mampan*. Kuala Lumpur: Bank Rakyat.
- Laporan Tahunan Maybank Berhad. 2009. Kuala Lumpur: Maybank Berhad.
- Lembaga Tabung Haji. 1990. *Lembaga Urusan dan Tabung Haji Sebagai Satu Institusi Pelaburan Islam*. Kuala Lumpur: Lembaga Urusan dan Tabung Haji.
- Longman Business English Dictionary. 2007. England: Pearson Longman.
- Nor Mohamed Yacop. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- al-Sa'di, Abdul Rahman Nasir. 2007. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah: al-Manzumah wa Syarhuha*. Arab Saudi: Wizarah al-Awqaf wa al-Su'un al-Islamiyyah.
- Saiful Azhar Rosly. 2005. *Islamic Banking Windows Transform to Subsidiaries*. *The Star Online*, 31 Oktober 2005, Kolum Business News.
- Shamsudin Ismail. 2009. *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rohani Yahya. 1988. *Konsep Asas Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudin Haron. 1996. *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.